



SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2024

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

KENAIKAN KADAR KELAYAKAN DAN PINDAAN SYARAT SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENDAHULUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penetapan kenaikan kadar kelayakan dan pindaan syarat Skim Pembiayaan Kenderaan di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kemudahan Skim Pembiayaan Kenderaan di UMPSA terdiri daripada pembiayaan kereta, motosikal dan basikal mengikut kelayakan had dan syarat-syarat pembiayaan berdasarkan prinsip Al Bai' Bithaman 'Ajil seperti Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2020 dengan kadar kelayakan semasa adalah seperti berikut:

Kereta	Motosikal	Basikal
RM100,000.00	RM10,000.00	RM8,000.00

- 2.2 Peminjam diwajibkan mengambil perlindungan takaful bertempoh secara berkumpulan yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2022;
- 2.3 Peminjam hanya dibenarkan memohon pembiayaan terhad kelayakan 60% potongan gaji sahaja;
- 2.4 Pegawai layak memohon setiap lima(5) tahun bagi pembiayaan kereta dan dua(2) tahun bagi pembiayaan motosikal dan basikal dengan syarat baki pembiayaan telah diselesaikan;
- 2.5 Dua(2) orang penjamin ditetapkan bagi pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan atau berkhidmat secara kontrak; dan
- 2.6 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-60 Bil. 4 Tahun 2024, bersetuju menaikkan kadar kelayakan dan meminda syarat pembiayaan bagi membolehkan staf UMPSA membeli kereta keperluan keluarga termasuk pembelian Kenderaan Tenaga Baharu/*New Energy Vehicle (NEV)*.

3.0 KENAIKAN KADAR KELAYAKAN DAN PINDAAN SYARAT PEMBIAYAAN

- 3.1 Pembiayaan maksimum bagi semua gred jawatan dinaikkan seperti berikut:

Kereta	Motosikal	Basikal
RM200,000.00	RM100,000.00	RM20,000.00

- 3.2 Pemohon masih tertakluk had 60% potongan gaji termasuk hendaklah mengambil perlindungan takaful bertempoh secara berkumpulan yang ditetapkan;
- 3.3 Staf boleh memohon lebih satu(1) pembiayaan pada bila-bila masa. Staf boleh memohon dua pembiayaan kereta/motorsikal/basikal serentak atau berturutan pada satu-satu masa;

- 3.3 Staf boleh memohon pembiayaan pada bila-bila masa tanpa syarat menunggu lima(5) tahun atau dua(2) tahun termasuk pembiayaan semasa tidak perlu diselesaikan terlebih dahulu;
- 3.4 Syarat penjamin dibatalkan kepada staf tetap dalam percubaan sementara staf yang berkhidmat secara kontrak hendaklah dijamin oleh seorang penjamin sahaja yang berjawatan tetap atau tetap berpencen;
- 3.5 Staf dibenarkan menggunakan kemudahan ini bagi tujuan pembelian NEV termasuk pengecas;
- 3.6 Syarat-syarat pembiayaan lain adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2020 termasuk Pekeliling Perbendaharaan yang diterima pakai dari semasa ke semasa;
- 3.7 Skim Pembiayaan Kenderaan ini tertakluk kepada kedudukan Dana Pembiayaan Universiti; dan
- 3.8 Staf digalakkan menghubungi Unit Gaji Dan Kemudahan Staf seperti berikut:
Unit Gaji Dan Kemudahan Staf
Bahagian Khidmat Pengurusan Kewangan
Jabatan Bendahari
No Tel: 09-431 6080/6092/6112
Email : wages@umpsa.edu.my.

4.0 TARIKH KUAT KUASA


Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 27 Disember 2024.

Salinan kepada :

- 1) Naib Canselor
- 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
- 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
- 4) Ketua Pustakawan
- 5) Penasihat Undang-Undang